



فجابت دايره دان تانه كريك
PEJABAT DAERAH DAN TANAH GERIK
JALAN SULTAN YUSSUF,
33300 GERIK,
PERAK DARUL RIDZUAN.



<https://ptg.perak.gov.my/portal/web/gerik>

Pegawai Daerah: 05-7912281 Pentadbiran Am : 05-7911963/68
Faks Pentadbiran : 05-7921049

Ketua Pen. Peg. Daerah (Tanah) : 05-7911133
Faks Tanah : 05-7921130

Ketua Pen. Peg. Daerah (Pemb) : 05-7911660
Faks Pembangunan : 05-7912933

Ruj. Tuan : KUDRA/KACPA/A/05/25/0597(11)

Ruj. Kami : Bil (2) dlm PLB.GK/3L/BA/003/2017

Tarikh : 11 Safar 1447

5 Ogos 2025



Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9&B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH



PROJEK/KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP)
FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK
BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH,
KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH
KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA-PERAK &
KEDAH)

PERKARA : ULASAN BERKAITAN PERMOHONAN IZIN LALU &
ULASAN TEKNIKAL

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk dan surat tuan KUDRA/KACP/A/05/25/0597 (11) yang bertarikh 25 Julai 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gerik **tiada halangan** terhadap pelaksanaan projek dan permohonan izin lalu (ABA7022) tersebut, berdasarkan dokumen salinan yang telah dikemukakan.

3. Namun begitu, pentadbiran ini menetapkan syarat-syarat berikut yang perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor/perunding:

3.1 Menyediakan laporan bergambar sebelum dan selepas kerja-kerja pembinaan tiang dan pemasangan berkaitan infrastruktur projek;

“PERAK SEJAHTERA 2030”

- 3.2 Mengadakan tinjauan bersama wakil Pejabat Daerah dan penerima projek (seperti pihak sekolah atau komuniti terlibat), sebelum pembinaan dimulakan dan selepas pembinaan disiapkan, bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak menyebabkan sebarang kerosakan dan keadaan tapak dikembalikan seperti asal atau dalam keadaan memuaskan;
 - 3.3 Memastikan semua kerja yang melibatkan tanah-tanah hak milik persendirian mendapat izin bertulis daripada pemilik tanah terlebih dahulu;
 - 3.4 Pejabat Daerah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan ganti rugi atau kerosakan yang dibuat oleh pemilik tanah, sekiranya berlaku kerosakan atau kelewatan akibat kerja-kerja pembinaan di atas tanah milik persendirian;
 - 3.5 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaik pulih segala bentuk kerosakan yang berlaku ke atas jalan, bahu jalan, saliran atau mana-mana kemudahan lain yang terjejas akibat daripada pelaksanaan kerja-kerja pembinaan projek ini.
 - 3.6 Sekiranya berlaku kerosakan jalan dan pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja pembaikan pentadbiran ini akan mengeluarkan notis pembaikan rasmi kepada pihak tuan.
 - 3.7 Kerja-kerja pembaikan tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis dikeluarkan.
 - 3.8 Sekiranya pihak kontraktor gagal membaiki jalan dalam tempoh yang ditetapkan, Pentadbiran ini berhak untuk menuntut bayaran ganti rugi ke atas kos pembaikan yang akan dilaksanakan oleh pihak ketiga.
 - 3.9 Pihak tuan hendaklah mengemukakan surat persetujuan bertulis (Surat Setuju Terima) sebagai pengesahan menerima dan bersetuju terhadap semua syarat yang ditetapkan di atas.
4. Kegagalan pihak tuan mematuhi syarat-syarat ini boleh menyebabkan kebenaran yang diberi ditarik balik atau tindakan lanjut diambil mengikut budi bicara Pentadbiran ini.

5. Segala kerjasama dan tindakan lanjut daripada pihak kontraktor amat dihargai bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek serta mengelakkan sebarang pertikaian pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD FITRI BIN HASSAN, PCM)

Pegawai Daerah
Hulu Perak

s.k.

Pejabat Penghulu Mukim Kenering
Pekan Lawin
33300 Gerik
Perak

APEX Communication Sdn. Bhd
Tingkat 12-Menara Hap Seng,
50250 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.

| | |
|--|--|
| KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD | |
| TINDAKAN / MAKLUMAN | |
| <input checked="" type="checkbox"/> | KETUA OPERASI |
| <input type="checkbox"/> | PENGURUS SUMBER MANUSIA |
| <input type="checkbox"/> | KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN |
| <input checked="" type="checkbox"/> | PENGURUS KORIDOR NEGERI |
| <input type="checkbox"/> | PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN |
| CATATAN Fu/Pr Sv 11/8/2025 | |

JKN/operasi/permij

- Surat pemakluman
- Laporan pemertuhan syarat
- update tracker/KUDRAF

12/8

“PERAK SEJAHTERA 2030”